

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Persekitaran kerja petugas kesihatan terus dipertingkatkan

Kuala Lumpur: Keputusan memajukan beberapa kemudahan kepada pegawai perubatan, pergigian dan farmasi bagi lantikan kontrak yang menjalani latihan siswazah atau khidmat wajib antara usaha memastikan petugas kesihatan mempunyai persekitaran kerja terbaik.

Bagian Pelatih, Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan (SCHOMOS) Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), berkata mereka akan terus bekerjasama dengan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dan Kementerian dalam meneruskan usaha berkenaan.

"SCHOMOS MMA mengalu-alukan keputusan Kabinet memajukan kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal, Cuti Tugas Khas Perubatan serta Cuti Tibi, Kusta dan Barah kepada doktor kontrak, pegawai farmasi serta doktor gigi.

"Kami gembira kerana ia turut menyenaraikan mereka yang menjalani khidmat wajib. Kami gembira cadangan kami yang dikemukakan kepada kerajaan kini menjadi kenyataan. SCHOMOS MMA ingin menyatakan penghargaan kepada Khairy kerana mengotakan apa yang dikata.

"Bagaimanapun, ini bukan masa untuk berehat. Banyak lagi perlu dilakukan. SCHOMOS dan MMA berharap untuk terus bekerjasama dengan menteri dan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi memastikan petugas kesihatan kita mempunyai persekitaran kerja yang terbaik," kata persatuan berkenaan.

Sementara itu, Persatuan Farmasi Malaysia (PhAMA) turut mengalu-alukan keputusan kerajaan berkenaan dan berterima kasih kepada Khairy serta KKM atas usaha berterusan bagi meningkatkan penjagaan kebajikan pegawai kesihatan kontrak demi memastikan persekitaran kerja terbaik.

Pada 14 Julai lalu, Jemaah Menteri bersetuju memberikan kemudahan sama, iaitu memajukan kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal, kemudahan Cuti Tugas Khas Perubatan dan kemudahan Cuti Tibi, Kusta dan Barah kepada Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi lantikan kontrak.

Bagaimanapun, persetujuan yang diberikan pada waktu itu terpakai ke atas pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi lantikan kontrak yang diluluskan pelantikan kontrak selepas melengkapkan khidmat wajib.

Penularan COVID-19

3 kes Omicron varian BA.4, BA.5 dikesan

Menteri sahkan kes pertama penularan varian di Malaysia

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia mengesahkan tiga penularan COVID-19 membabitkan dua kes varian BA.5 dan satu jangkitan BA.4.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata itu kes perta-

ma membabitkan penularan varian berkenaan yang disahkan di negara ini.

"Kedua-duanya (varian BA.4 dan BA.5) dikategorikan WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) sebagai VOC-LUM (lineages under monitoring) di bawah varian Omicron. Setakat ini, faktor risiko kekal sama," katanya.

Sebelum ini, Singapura dilaporkan merekodkan tiga penularan tempatan COVID-19 membabitkan dua kes varian BA.4 dan satu jangkitan varian BA.5 dengan ia adalah kes komuniti pertama disahkan sebagai jangkitan varian berkenaan.

Pada 16 Mei lalu, pegawai ke-

sihatan Eropah menyenaraikan dua strain Omicron yang pertama kali dikesan di Afrika Selatan, iaitu BA.4 dan BA.5 sebagai varian membimbangkan (VOC).

Klasifikasi itu dibuat susulan subvarian Omicron berkenaan berupaya mengelak daripada perlindungan imuniti vaksin dan mungkin menguasai kes COVID-19 Eropah menjelang musim panas.

Pusat Pencegahan Penyakit dan Kawalan Eropah (ECDC) dalam laporan menyatakan, subvarian BA.4 dan BA.5 boleh menyebabkan lonjakan kes jangkitan COVID-19 di seluruh benua, sekali gus meningkatkan jumlah

kemasukan ke hospital dan penggunaan katil di wad unit rawatan rapi (ICU).

BA.4 dan BA.5 pertama kali dikesan di Afrika Selatan masing-masing pada Januari dan Februari lalu.

Sejak itu, kedua-dua subvarian terbit menjadi strain dominan di negara itu, manakala BA.5 pula dijangka menjadi varian paling biasa di Portugal menjelang 22 Mei nanti.

Sementara itu, laporan ECDC juga menyatakan ketika ini tiada tanda sebarang perubahan dalam kadar keterukan jangkitan bagi BA.4 dan BA.5, berbanding subvarian Omicron sebelum ini.



Khairy dan Katsuhiko (tiga dari kanan) pada majlis penyerahan sumbangan peralatan perubatan daripada kerajaan Jepun melalui Geran Jepun untuk program pembangunan ekonomi dan sosial 2020 kepada kerajaan Malaysia di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

HFMD dijangka turun dua hingga tiga minggu

Alor Setar: Kementerian Kesihatan (KMM) menjangkakan kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) akan menurun dalam tempoh dua hingga tiga minggu lagi.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata penularan penyakit itu biasanya berlaku secara bermusim dan apabila tahap imuniti kanak-kanak meningkat, kes jangkitan akan turun dengan sendirinya.

"Kita anggap HFMD ini penyakit yang berlaku di dalam negara kerana membabitkan beberapa tempat sahaja, kita jangka gelombang HFMD mula turun dalam tempoh dua atau tiga minggu lagi.

"Biasanya HFMD bermusim, ia akan jadi gelombang tidak sam-

pai sebulan dan kemudian turun dengan sendiri. Apabila ramai kanak-kanak terdedah kepada virus tersebut, maka tahap imuniti mereka akan naik dan kes menurun," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di sini, semalam.

Terdahulu Khairy menghadiri majlis penyerahan sumbangan peralatan perubatan daripada kerajaan Jepun melalui Geran Jepun untuk program pembangunan ekonomi dan sosial 2020 kepada kerajaan Malaysia.

Yang turut hadir Duta Jepun ke Malaysia, Takahashi Katsuhiko; Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Zamzuri Abdul

Aziz dan Pengarah Kesihatan Kedah, Dr Othman Warijo.

Sebelum ini, KKM memaklumkan setakat Sabtu lalu, sebanyak 82,846 kes HFMD dilaporkan berlaku di seluruh negara, iaitu peningkatan sehingga 32 kali ganda berbanding tempoh sama pada 2021 yang hanya mencatatkan 2,485 kes.

Khairy berkata, penurunan tahap imuniti dalam kalangan kanak-kanak antara punca kadar jangkitan HFMD di seluruh negara meningkat ketika ini.

Beliau berkata, akibat COVID-19, selama dua tahun pergerakan kanak-kanak terbatas menyebabkan mereka boleh dianggap sebagai naif kepada penyakit seperti Coxsackie, En-

terovirus serta HFMD.

Khairy berkata, kebanyakan kes HFMD juga tidak dianggap serius dan kanak-kanak mampu kembali sihat, namun ibu bapa dinasihat segera memberi rawatan jika anak mempunyai gejala.

"Tahun ini kes HFMD naik mendadak kemungkinan kerana banyak tadika dan taska kembali dibuka. Kanak-kanak kita pula dua tahun tidak keluar dan tidak terdedah kepada virus, maka tahap imuniti mereka menurun sehingga kes agak tinggi.

"Tapi kebanyakan kes ini tidak serius, kita minta ibu bapa jaga kebersihan dan jika anak ada gejala jangan hantar mereka ke taska atau tadika untuk elak penyebaran," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memulakan rawatan ubat antibodi monoklonal Tixagevimab plus Cilgavimab (EVUSHELD) dalam waktu yang terdekat untuk memastikan golongan berisiko tinggi terus mendapat perlindungan daripada jangkitan Covid-19.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, buat masa ini ubat antibodi EVUSHELD hanya akan diberikan di hospital kerajaan dan ia boleh digunakan sebagai profilaksis prapendedahan (PrEP) untuk golongan yang belum dijangkiti Covid-19, tetapi berisiko tinggi untuk dijangkiti.

"Kajian menunjukkan bahawa ubat antibodi EVUSHELD dapat melindungi penerima dari jangkitan Covid-19 untuk jangka masa enam bulan selepas pemberian suntikan," katanya dalam satu kenyataan.

Perlindungan enam bulan

Covid-19: KKM mula rawatan ubat antibodi EVUSHELD untuk golongan berisiko

Khairy menjelaskan kaedah pemberian ubat antibodi itu adalah melalui dua suntikan intramuskular yang berasingan bagi dua jenis ubat iaitu Tixagevimab dan Cilgavimab yang diberikan secara berturut-turut.

Katanya bagi pesakit kurang daya tahan imun (immunocompromised) yang telah menerima vaksin Covid-19, EVUSHELD hendaklah diberikan sekurang-kurangnya dua minggu selepas vaksinasi.

Mengulas lanjut, Khairy berkata penilaian kelayakan pesakit untuk menerima ubat antibodi berkenaan akan dilakukan oleh pakar perubatan yang merawat.

Antara kriteria pemilihan pesakit adalah berumur

12 tahun dan ke atas; mempunyai berat badan melebihi 40kg dan dalam kalangan golongan immunocompromised sederhana hingga teruk (mengambil kira tindak balas imun golongan ini terhadap vaksinasi Covid-19 yang berkemungkinan tidak mencapai tahap imuniti yang memuaskan).

Selain itu, kriteria pemilihan termasuk

individu yang tidak dapat mengambil vaksin sepenuhnya akibat sebab perubatan atau mempunyai sejarah tindak balas teruk terhadap vaksin Covid-19.

Sementara itu, Khairy berkata rawatan menggunakan ubat antiviral Paxlovid untuk merawat

pesakit Covid-19 akan diperluaskan ke fasiliti kesihatan swasta terpilih dalam waktu yang terdekat bagi me-

mastikan akses yang lebih baik kepada pesakit.

Beliau memaklumkan pemberian ubat Paxlovid kepada pesakit di fasiliti kesihatan swasta adalah secara percuma, tetapi pesakit masih tertakluk kepada caj khidmat rundingan dan lain-lain caj berkaitan yang ditentukan oleh fasiliti kesihatan swasta berkenaan.

Penggunaan ubat antiviral Paxlovid yang dimulakan di fasiliti kesihatan KKM sejak 15 April lepas merupakan ubat antiviral oral pertama di Malaysia untuk merawat pesakit Covid-19 yang mengalami gejala ringan hingga sederhana ataupun Kategori 2 dan 3.

Dalam pada itu, beliau berkata keutamaan pemberian rawatan Paxlovid

adalah kepada kumpulan pesakit Covid-19 yang berisiko tinggi.

"Sehingga 5 Jun 2022, seramai 1,364 orang pesakit diberikan rawatan Paxlovid dan sudah sembuh sepenuhnya serta tiada sebarang kesan sampingan teruk dilaporkan. Rawatan ini terbukti selamat dan berkesan serta dapat mengurangkan kesan teruk jangkitan dan kadar kematian pesakit Covid-19," katanya.

Khairy berkata KKM percaya dan yakin bahawa Malaysia kini berada dalam landasan yang terbaik untuk melalui Fasa Peralihan ke Endemik dengan berkesan dan selamat susulan ubat-ubatan serta kaedah rawatan yang sentiasa ditambah baik.

“
1,364 orang
pesakit diberikan
rawatan Paxlovid
sudah sembuh
sepenuhnya
Khairy



AKHBAR : KOSMO!
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Gelombang HFMD turun dua minggu lagi

ALOR SETAR – Gelombang kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di negara ini dijangka menurun dalam masa dua hingga tiga minggu lagi.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, kes jangkitan HFMD biasanya berlaku secara bermusim dan ia akan meningkat sehingga menjadi gelombang sebelum turun dengan signifikan dalam masa kurang sebulan.

"Apabila ramai kanak-kanak terdedah kepada virus-virus tersebut, maka ia akan menjadikan tahap imuniti (kanak-kanak) meningkat seterusnya bilangan kes akan turun.

"Selain itu, intervensi dari segi kebersihan sendiri, taska dan pusat asuhan juga membantu menurunkan kes," katanya.

Beliau ditemui pada sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Peralatan Perubatan daripada Kerajaan Jepun melalui Bantuan Geran Jepun sempena Program Pembangunan Ekonomi dan Sosial 2020 untuk Malaysia di Hos-

pital Sultanah Bahiyah, di sini semalam.

Jelasnya, Kementerian Kesihatan (KKM) telah mengenal pasti teori peningkatan kes HFMD secara mendadak.

"Salah satunya adalah pembukaan semula tadika dan taska. Tetapi jika dibandingkan pada 2019, kes pada tahun ini agak tinggi berbanding semasa prapandemik Covid-19.

"Ini disebabkan kanak-kanak tidak keluar selama dua tahun, jadi bila tidak terdedah kepada virus-virus ini, tahap imuniti mereka akan menurun kerana tidak pernah jumpa dengan virus tersebut," jelasnya.

Dalam perkembangan berbeza, katanya, KKM menerima aduan berhubung kekurangan beberapa jenis ubat setiap hari yang berlaku di klinik-klinik swasta dan farmasi.

"KKM akan bekerjasama dengan pengeluar ubat dan syarikat farmasi supaya dapat membantu membekalkan ubat alternatif kepada bekalan ubat yang mengalami kekurangan," ujarnya.



KHAIRY JAMALUDDIN (tiga dari kiri) menerima sumbangan daripada Duta Besar Jepun ke Malaysia, Takahashi Katsuhiko (tiga dari kanan) di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

Gelombang HFMD dijangka menurun

Jangan hantar anak ke taska, tadika dan pusat asuhan jika mempunyai gejala.

Oleh WAN MOHD NOOR
HAFIZ WAN MANSOR
ALOR SETAR

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjangkakan gelombang penyakit tangan kaki dan mulut (HFMD) di negara ini akan mula menurun dalam tempoh kurang sebulan daripada sekarang.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, penyakit tersebut adalah bermusim dan peningkatan jumlah kes juga disumbangkan

oleh imuniti kanak-kanak yang rendah.

Menurut beliau, penurunan imuniti adalah disebabkan pergerakan kanak-kanak terbatas dalam tempoh dua tahun akibat Covid-19 yang menjadi punca naif kepada penyakit seperti Coxsackie, Enterovirus serta HFMD.

"Tahun ini kita ada teori kenapa penyakit ini naik dengan agak mendadak. Pertama, sudah tentu tadika dan taska sudah dibuka semula.

"(Selain itu) kanak-kanak juga sudah dua tahun kurang terdedah kepada virus. Jadi bila mereka tak terdedah kepada virus maka tahap imuniti pun turun," ujarnya pada sidang akhbar di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar pada Khamis.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Peralatan Perubatan Daripada Kerajaan Jepun Melalui Bantuan Geran Jepun Untuk Program Pembangunan Ekonomi dan Sosial 2020 Untuk Malaysia.



Khairy tiba di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar bagi Majlis Penyerahan Sumbangan Peralatan Perubatan Daripada Kerajaan Jepun Melalui Bantuan Geran Jepun Untuk Program Pembangunan Ekonomi dan Sosial 2020 Untuk Malaysia pada Khamis.

Mengulas lanjut, Khairy Jamaluddin berkata, berdasarkan teori klasik imuniti, apabila kanak-kanak tidak terdedah kepada dunia luar serta virus, maka tahap imuniti mereka akan rendah dan menjadi antara punca

kes HFMD meningkat pada kali ini.

Menurutnya, walau bagaimanapun kebanyakan kes melibatkan penyakit tersebut adalah tidak serius.

"Ibu bapa dinasihatkan kalau

ada tanda-tanda gejala HFMD supaya segera dapatkan rawatan. Kedua, jangan hantar anak ke taska, tadika dan pusat asuhan sebab itu akan menyebabkan merebak HFMD," tambah beliau lagi.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION/NEWS

TWO TO THREE WEEKS

HFMD CASES TO DROP


Children's immunity improves after being exposed to virus, says health minister

ADIE ZULKIFLI
ALOR STAR
news@nst.com.my

THE Health Ministry expects to see a downward trend in the number of hand, food and mouth disease (HFMD) infections within two or three weeks.

Minister Khairy Jamaluddin yesterday said this was based on the theory that children's immunity improved after being exposed to the virus.

"Commonly, HFMD is a localised, seasonal disease. It started with a wave and it will slow down significantly by itself within a month.



Health Minister Khairy Jamaluddin (right) and Japanese ambassador Takahashi Katsuhiko (left) at the handing over of medical equipment from the Japanese government, at Sultanah Bahiyah Hospital in Alor Star yesterday. BERNAMA PIC

"As more children get exposed to the virus, their immunity will improve and the number of cases will slow down."

Khairy added that the unusually high number of HFMD infections could be due to the children's lack of exposure to the outside environment over the past

two years due to lockdowns during the Covid-19 pandemic.

"We have a theory why there was a sudden surge in infections and the numbers are higher compared with the pre-pandemic era in 2019.

"Firstly, all children early education centres have been re-

opened. Secondly, our children were not exposed to the outside world for the past two years.

"So when they were not exposed to the virus, their immunity declined.

"We can say that our children have become HFMD naïve. Hence the number of infections is higher than usual."

He added that most reported cases were not serious.

"Parents are advised to get treatment for their children infected with HFMD and refrain from sending their children who develop HFMD symptoms to *taska* and *tadika*."

He said this at Sultanah Bahiyah Hospital here.

Earlier, he attended the handing over of medical equipment worth nearly RM20 million from the Japanese government to Malaysian public hospitals to battle Covid-19.

The aid, which was presented by Japanese ambassador Takahashi Katsuhiko, was part of a Japanese grant that benefited 81 public hospitals.

6 DEATHS

1,518 new Covid cases

KUALA LUMPUR: Malaysia reported 1,518 new Covid-19 infections and six deaths, including three brought-in-dead cases, on Wednesday.

One case was imported, said the CovidNow website.

A total of 4,518,965 people have been infected.

A total of 20,599 cases were undergoing home quarantine, 941 were hospitalised, 23 were being treated at Covid-19 quarantine and treatment centres, and 26 were receiving treatment in intensive care units.

On Wednesday, 470 Covid-19 cases were admitted to hospitals. Covid-19 bed and ICU utilisation rates stood at 12.7 per cent and 5.8 per cent respectively.

Meanwhile, 34.1 per cent of children aged 5 to 11, or 1,209,674 children, have received two doses of the Covid-19 vaccine.

Up to June 8, a total of 1,733,640 have taken at least one dose.

On Wednesday, 288 children received the first dose and 3,058* had their second dose.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION

HFMD cases to drop in a fortnight, says Khairy

ALOR STAR: Cases of hand, foot and mouth disease (HFMD) are expected to decline in the next two to three weeks, says Khairy Jamaluddin.

The Health Minister said the spread of the disease was usually seasonal and as the level of children's immunity increases, the number of cases would go down.

"HFMD is usually seasonal, it will start and become a wave and in less than a month, it will go down significantly on its own.

"When many children are exposed to this virus, their immunity level will increase and the number of cases will then decrease.

"Intervention in terms of personal hygiene, disinfection of nurseries, childcare centres, and so on also helps," he said yesterday.

Earlier, Khairy attended the presentation of medical equipment donated by the Japanese government through the Japanese Grant Aid to the ministry.

Japanese Ambassador to Malaysia Takahashi Katsuhiko was also present.

Khairy said the number of HFMD cases could have risen significantly this year due to children having spent less time outdoors during the pandemic, thus, resulting in lower immunity to the HFMD virus.

"Due to the lack of exposure to this virus, immunity levels go down. The child has never encountered this virus.

"This is the classical theory of natural immunity. When not



Thank you for the helping hand: Khairy greeting Katsuhiko at the presentation of medical equipment donated by the Japanese government through the Japanese Grant Aid in Alor Setar, Kedah.
— Bernama

exposed to this virus, immunity will be low.

"That's probably why the number of cases is quite high now because the Coxsackie HFMD virus is invading our children who only have naive virus (with no previous encounter to build immunity). So that's why there will be a lot of cases at this point," he said.

He explained that most cases of HFMD in the country were not serious, but parents were advised to bring their children for treatment if they showed symptoms.

In Ipoh, more than 8,000 HFMD cases were reported in the state,

said health committee chairman Mohd Akmal Kamaruddin.

"A total of 787 cases recorded involved children aged between seven and 12, and 144 cases were those aged above 12. Most of the cases were reported in Kinta district," he told reporters at the Kinta Riverfront Hotel yesterday.

"The cases among school pupils and students are still low, which is between 1% to 2% from the total number of cases."

Mohd Akmal said the state Health Department had checked more than 6,000 premises in the state.

At least 188 kindergarten and

pre-schools in Perak have been closed due to HFMD cases.

"Some kindergartens closed voluntarily to minimise its infection while some were ordered to do so by the Health Department," he added.

Mohd Akmal said many of the premises have done their part and he hoped parents, too, would also be mindful not to send their children who are infected with HFMD to kindergartens.

Watch the video
TheStarTV.com

